

25 AUG 2001

Mahathir-Sekolah

CADANGAN SEKOLAH SATU SESI SAHAJA

IPOH, 25 Ogos (Bernama) -- Sekolah seluruh negara akan mempunyai satu sesi sahaja tetapi rancangan itu akan mengambil masa, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata kini terdapat hampir 600 sekolah satu sesi dan 600 lagi akan ditambah dalam masa terdekat ini.

"Sekarang kita ada hampir 9,000 sekolah rendah dan menengah. Kita kena gandakan dan ini perlukan masa. Negara lain sekolah pun tak ada," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah di sini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berada di sini untuk menyaksikan bendera Malaysia terbesar dan menghadiri Perhimpunan Patriotik Pemimpin Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan 2001.

Katanya, sekolah-sekolah di negara ini mempunyai segala kemudahan kerana kerajaan memperuntukkan jumlah yang besar untuk pendidikan dalam belanjawan tahunannya sedangkan negara lain banyak berbelanja untuk pertahanan.

Semasa berucap di perhimpunan itu, Dr Mahathir memberitahu kira-kira 5,000 pemimpin pelajar bahawa semua sekolah satu sesi ini akan dilengkapi dengan komputer dan akan dijadikan sekolah bestari.

"Ini untuk beri ilmu kepada generasi akan datang untuk mengambil alih dari generasi sekarang. Saya harap generasi muda sambut baik usaha ini," katanya.

Pada sidang media itu juga, Dr Mahathir berkata kerajaan sedia menimbang sebarang permohonan untuk membuka universiti-universiti swasta yang baru di negara ini.

"Kalau penuh keperluan, cukup wang dan ada permintaan, kita boleh timbang," katanya ketika mengulas kelulusan yang diberi kepada MCA untuk menubuhkan Universiti Tunku Abdul Rahman.

Katanya, kelulusan itu bukannya diberi kerana MCA sebuah parti politik atau untuk orang Cina, sebaliknya bagi menaik taraf Kolej Tunku Abdul Rahman.

Mengenai bendera terbesar yang dihasilkan oleh pelajar, guru dan ibu bapa Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Ampang (SMKSA) yang dimasukkan dalam Malaysia Book of Records, Dr Mahathir berkata ia merupakan satu petanda baik yang menunjukkan rakyat Malaysia patriotik.

"Rakyat Malaysia terima Jalur Gemilang sebagai simbol negara kita. Mereka berlumba-lumba dan menunjukkan penghargaan kepada simbol negara," tambahnya.

Bendera yang menelan kos RM65,000 itu berukuran 108 meter lebar dan 159 meter panjang dengan berat hampir tiga tan. Rekod dunia bagi bendera terbesar sekarang ialah 77m x 154m.

Ia dihasilkan dalam masa 21 hari dan akan dipamerkan di Padang Ipoh. Rekod sebelum ini dipegang oleh pelajar-pelajar Universiti Putra Malaysia sejak 2 April, 2001.

Dr Mahathir yang melihat bendera itu di Sekolah Tunku Abdul Rahman (STAR) turut menandatangani sijil bendera terbesar dalam Malaysia Book of Records.

Perak turut mencatatkan satu pencapaian dalam buku itu melalui persembahan simfoni orkestra terbesar yang dianggotai oleh 300 murid dan guru sekitar daerah Kinta.

-- BERNAMA

AR MAI